

14/06/1997

D8 berkesan majukan negara OIC

Mior Kamarul Shahid in Istanbul

ISTANBUL, Jumaat - Malaysia yakin Kumpulan Negara Membangun (D8) yang akan dilancarkan di sidang puncak pertamanya di sini, Ahad ini, akan menjadi sebuah pertubuhan yang berkesan dalam bidang kerjasama ekonomi dan pembangunan untuk membangunkan negara-negara dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan tidak timbul pertindihan D8 dengan pertubuhan lain yang ditubuhkan oleh negara-negara anggota OIC asalkan matlamatnya adalah untuk membangunkan ekonomi negara-negara anggota.

"Malaysia juga adalah anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Kumpulan 15 pula adalah negara-negara dalam NAM. Sebagaimana sikap kita dalam NAM, sama jugalah sikap kita dalam OIC," katanya.

Beliau menjelaskan D8 juga bukanlah pertubuhan yang dilahirkan oleh OIC tetapi idea yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan untuk mewujudkan kerjasama dalam satu kumpulan yang kecil.

"Dalam beberapa mesyuarat persediaan yang diadakan setakat ini sama ada di peringkat tenaga pakar, suruhanjaya dan menteri, memang ada hasrat untuk menjayakan D8," katanya ketika diminta menjelaskan kemajuan rundingan di peringkat suruhanjaya yang diadakan di sini.

Mesyuarat peringkat suruhanjaya yang bermula semalam merangka agenda bagi rundingan di peringkat majlis yang akan dihadiri oleh menteri-menteri luar negara anggota, esok diikuti sidang puncak yang akan dihadiri ketua-ketua negara anggota Ahad ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir di sidang puncak itu. D8 dianggotai Malaysia, Indonesia, Turki, Bangladesh, Mesir, Iran, Pakistan dan Nigeria.

Abdullah menjelaskan setakat ini tidak timbul sama ada D8 dipolitikkan.

"Ini tidak akan berlaku kerana bukanlah mudah untuk mempengaruhi negara dan pemimpin kelapan-lapan negara. Malaysia juga bukanlah mudah dipergunakan untuk tujuan politik mana-mana pihak. Matlamat kita ialah untuk memastikan kerjasama yang boleh memanfaatkan semua negara yang terbabit," katanya.

Sebelum sidang puncak D8 diadakan wujud keraguan bahawa pertubuhan itu akan dipolitikkan, walaupun sesetengah negara mahukan ia menjadi pertubuhan ekonomi semata-mata.

Sebelum ini, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) yang ditubuhkan oleh negara-negara OIC, untuk meningkatkan ekonomi antara Turki, Pakistan dan Iran dan kemudian disertai negara-negara di Asia, menghadapi masalah yang sama.

Ini berikutan keraguan Pakistan terhadap Iran yang didakwa cuba mempolitikkan ECO. Keadaan ini juga dikatakan wujud dalam D8.

Diplomat berpendapat wujud kebimbangan berhubung dimensi Islam dalam D8.

Meskipun pada asalnya D8 mahu dikenali sebagai M8 (Muslim 8), ia terpaksa diubah kerana tidak dipersetujui oleh sesetengah negara.

Diplomat juga berpendapat disebabkan D8 diilhamkan oleh Erbakan, wujud kebimbangan terhadap masa depan pertubuhan itu. Ini berasaskan kepada keadaan politik semasa di Turki yang tidak menentu.

Jika berlaku sebarang perubahan kepemimpinan kerajaan, diplomat berpendapat D8 (Developing 8) akan bertukar menjadi Disaster 8.

Dalam senario politik di Turki hari ini, kerajaan campuran menghadapi masalah politik yang genting. Bekas Perdana Menteri, Tansu Ciller yang

memimpin True Path Party (DYP) memberi kata dua kepada Erbakan supaya menyerahkan jawatan itu kepadanya menjelang 18 Jun berasaskan kepada persetujuan ketika membentuk kerajaan campuran.

Erbakan pula mahu supaya undang-undang parti dan pilihan raya dipinda sebelum perubahan kepimpinan kerajaan dilakukan dan barulahtarikh pilihan raya ditentukan.

Seorang lagi pemimpin kerajaan campuran, Muhsin Yazicioglu mewakili Grand Unity Party (BBP) pula mahu tentera tidak terikat dalam urusan politik.

Mengenai bidang tugas yang diberikan kepada Malaysia - kewangan, penswastaaan dan perbankan, Abdullah menjelaskan Malaysia bersikap terbuka dan sedia memberi kerjasama dalam bidang-bidang lain walaupun tugas untuk Malaysia sudah ditentukan.

"Malaysia akan beri kerjasama dan bantuan yang sebaik-baiknya tanpa ragu-ragu. Kita tidak akan bersikap kedekut dalam hal ini," katanya.

(END)